

## Pergolakan Politik Di Johor 1946 - 1948

RAMLAH ADAM

Selepas tahun 1945, terdapat beberapa buah persatuan politik yang ditubuhkan di Johor mengikut daerah-daerah yang dipimpin kebanyakannya oleh orang-orang yang berpendidikan Inggeris yang bekerja sebagai pegawai kerajaan. Persatuan-persatuan ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan orang-orang Melayu di daerah masing-masing bagi melahirkan rasa bersatu bagi kepentingan mereka. Ia juga menjadi alat perhubungan pegawai-pegawai tadbir daerah tersebut dengan penduduk daerahnya. Persatuan ini juga menjadi wadah pegawai-pegawai kerajaan bertukar-tukar pendapat dan menyebarkan idea-idea baru bagi masyarakat setempat.

Muar yang terletak di timur laut Johor dan bersempadan dengan Melaka, merupakan daerah yang paling cergas menubuhkan persatuan-persatuan seperti ini. Ini kerana Muar merupakan daerah tertua Johor yang mempunyai ramai kaum intelek. Adanya keturunan orang kaya Muar daripada zaman kerajaan Melaka yang mendapat pendidikan Agama Islam dan Inggeris sejak awal abad ke-19, melahirkan golongan ini. Pembangunan Muar juga dimulai lebih awal dari daerah-daerah lain. Jabatan kerajaan dan infrastruktur dibina dengan penuh perancangan, walaupun Muar terletak jauh dari pusat pentadbiran utama, Johor Bahru. Oleh kerana ia merupakan daerah yang istimewa bagi Maharaja Abu Bakar kerana ia didapati melalui jalan-jalan politik yang sukar maka Muar diabaikan kepentingannya oleh pemerintah Johor.

Diantara keluarga yang penting di Muar ialah Dato Ab. Rahman Mohd Yassin dan Haji Mohd. Taib. Kedua-duanya berketurunan orang kaya Muar, yang memegang jawatan penghulu yang dilantik oleh Maharaja Abu Bakar. Kedua-dua keluarga ini melahirkan cerdek pandai yang memberi kepimpinan politik dan masyarakat kepada daerah Muar. Haji Mohd Taib juga merupakan seorang yang cergas dan dapat membawa tiga orang anaknya, Dr. Hamzah, Abdullah dan Ahmad berkecimpung di dalam politik Muar dan negeri Johor. Manakala Dato Ab. Rahman Mohd Yassin pula dapat membawa anak-anaknya, Sulaiman, Dr. Ismail dan Mohd. Yassin ke dalam UMNO dan pentadbiran kerajaan Tanah Melayu.

Kegiatan politik kedua-dua keluarga terbahagi dengan jelas. Haji Mohd Taib dan anak-anaknya bergerak dengan cergas di dalam gerakan di peringkat negeri Johor; mereka bolehlah dianggap pemimpin-pemimpin tempatan negeri. Mereka sangat cergas di dalam tahun-tahun 1945 sehingga 1950-an. Tetapi

keluarga Dato Ab. Rahman pula, gerakan mereka lebih bersifat kebangsaan, iaitu menjadi pemimpin UMNO Tanah Melayu; mereka mewakili Johor di peringkat negara. Mereka pula memenuhi ruang politik dan pentadbiran Tanah Melayu di dalam 1950-an sehingga 1970-an.

Dr. Hamzah adalah tokoh terpenting Muar yang paling awal kemunculannya. Beliau yang mendapat pendidikan Inggeris sehingga ke King Edward Medical College, Singapura pada tahun 1923, merupakan anak Melayu Muar yang awal mendapat kelulusan begitu tinggi. Beliau yang berketurunan Bugis, bukanlah seorang golongan bangsawan. Ayahnya seorang pegawai kerajaan kelas dua.

Dr. Hamzah boleh dianggap sebagai pembela masyarakat Melayu setempat yang sangat cergas. Sejak zaman persekolahannya beliau telah bergerak di dalam persatuan sosio-ekonomi yang dikenali sebagai *Malay Debating Association* (MDA), Muar. Melalui persatuan ini beliau didedahkan kepada masalah kemasyarakatan terutama mengenai kemudahan pelajaran Inggeris dan tinggi kepada anak-anak Melayu. Ini memang menjadi persoalan penting orang Melayu, yang sering diutarakan oleh akhbar-akhbar Melayu sejak awal kurun ke-20.

Kesedaran beliau terhadap isu-isu yang lebih besar yang bersangkutan dengan masyarakat Melayu menjadi lebih tajam setelah tamat pendidikan kedoktorannya. Kolej King Edward VII di Singapura telah mendedahkan beliau kepada idea-idea dan pemikiran baru yang berguna untuk memantapkan fikirannya. Singapura, yang merupakan kota kosmopolitan dan pusat perniagaan, mencelekkkan Dr. Hamzah terhadap perjuangan bangsanya. Beliau membangkitkan banyak perkara yang menurutnya adalah satu penindasan British terhadap orang Melayu. Misalnya, layanan mereka terhadap pegawai-pegawai kerajaan Melayu, yang diberi gaji dan kemudahan pekerjaan yang lebih rendah dari pegawai-pegawai British.

Penentangan beliau ini tidaklah radikal atau militan; namun untuk menunjukkan rasa tidak puashatinya. Beliau bertindak tegas meletakkan jawatan doktor bedahnya dua tahun kemudian. Sikap berdikari dan tidak suka ditindas menunjukkan Dr. Hamzah seorang yang peka kepada penjajahan British.

Sekembalinya ke Muar sebagai penolong pegawai perubatan, Dr. Hamzah melalui MDA, menjadi begitu kritikal sekali terhadap British. Kesedarannya juga dihasilkan oleh kegiatan pemimpin-pemimpin Melayu Singapura seperti Eunus Abdullah yang membela orang-orang Melayu Singapura melalui Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Perbincangan-perbincangan Eunus Abdullah di dalam akhbar *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*, tidak dapat tidak memberi galakan kepada Dr. Hamzah. Kegiatan KMS membela nasib orang Melayu Singapura di dalam soal pelajaran, peluang-peluang pekerjaan, pembinaan kampung-kampung khas bagi orang Melayu memberi idea kepada beliau.

Sebagai bukti kepada rasa tanggungjawab kepada masyarakat, Dr. Hamzah bersama bapanya Haji Mohd. Taib telah menubuhkan sebuah persatuan semi-politik yang dipanggil Kesatuan Melayu Johor (KMJ) pada tahun 1939. Beliau

melihat, dengan KMJ, idea-idea baru dan langkah-langkah dapat dibuat bagi menyebarkan semangat bersatu di kalangan orang-orang Melayu. Bagaimanapun ia tidak mempunyai cita-cita untuk melepaskan diri dari penjajahan British; ia bergerak di dalam lingkungan yang dibenarkan oleh British.

Penubuhan KMJ sesuai dengan kegiatan nasionalisme Melayu yang memasuki tahap ketiga, iaitu kegiatan melalui pertubuhan-pertubuhan politik. Sebagai seorang cerdik pandai, Dr. Hamzah juga peka dengan perkembangan politik negeri-negeri Melayu yang lain. Melalui pembacaan dan pertembungan dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat di kliniknya, Dr. Hamzah sedar mengenai penubuhan persatuan-persatuan negeri di beberapa buah negeri Melayu seperti di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang di sekitar tahun 1937-1939. Penubuhan kesatuan Melayu Muda (KMM) oleh Ibrahim Yaakob seorang guru lepasan Sultan Idris Training College (SITC), memberi perangsang yang kuat sekali kepada beliau. Sikap anti-British KMM sangat cocok dengan pendirian Dr. Hamzah sendiri.

KMJ bagaimanapun tidak bertahan lama kerana pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada akhir tahun 1941. KMJ juga persatuan-persatuan negeri yang lain terkubur bersama dengan penderitaan dan tekanan yang dibawa oleh tentera Jepun. Kegiatan politik ditegah, kecuali persatuan-persatuan yang dibenarkan oleh Jepun seperti KMM, PETA dan KRIS. Pihak Jepun juga hanya memberi peluang bergiat kepada pemimpin yang menolongnya masuk ke Tanah Melayu seperti Ibrahim Haji Yaacob, Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Dr. Hamzah sendiri pernah dipenjara kerana mengubati seorang anggota MPAJA yang cedera. Tindakan ini membantutkan kegiatan politik Dr. Hamzah dan KMJ.

Selepas pendudukan Jepun, KMJ dihidupkan semula pada tahun 1946 dengan nama Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ). Kali ini adik Dr. Hamzah, Abdullah Hj. Taib, kakitangan Kerajaan Johor, menjadi pengerusinya. Dr. Hamzah menjadi timbalannya; namun Dr. Hamzah lebih dikenali kerana kegiatannya yang cergas. Kedudukan beliau sebagai doktor persendirian lebih memudahkan pergerakannya.

Di dalam masa yang sama, di Batu Pahat, terdapat sebuah persatuan yang dikenali sebagai Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor (PMS). Ia ditubuhkan sebagai kesan dari pergaduhan Cina-Melayu yang berlaku di Batu Pahat pada bulan Mei sehingga September 1945.<sup>1</sup> Onn Jaafar, Pegawai Daerah Batu Pahat, yang terlibat secara langsung, mendapati orang-orang Melayu Batu Pahat terdedah kepada bahaya jika mereka tidak bersatu di dalam sebuah pertubuhan politik secara tegas. Kekalahan orang-orang Melayu di dalam peristiwa itu dan keupayaan mereka bersatu kerana terdesak meyakinkan Onn terhadap ideanya itu. Kedudukannya sebagai pegawai daerah yang dilantik oleh Sultan Ibrahim memberi kekuatan kepada Onn untuk memimpin orang-orang Melayu di dalam sebuah pertubuhan politik.

Pada 29hb. Disember 1945, Onn menghantar surat-surat 'arahan' kepada ketua-ketua kampung untuk meminta orang ramai berkumpul bagi membincangkan penubuhan sebuah pertubuhan politik. Perjumpaan diadakan pada 3hb. Januari 1946 di Masjid Jamek, Batu Pahat selepas sembahyang zohor. Perjumpaan itu untuk mengelakkan syak wasangka dari BMA.<sup>2</sup>

Onn dengan itu menggunakan institusi Islam bagi kepentingan politik orang Melayu. Cara ini lebih mudah, kerana masjid adalah satu-satunya tempat perjumpaan awam orang-orang Melayu selama ini untuk bersembahyang jemaah. Onn dengan itu menambahkan sedikit fungsi masjid yang selama ini hanya digunakan untuk tujuan beribadat sahaja. Ini bermakna, Onn menggunakan Islam sebagai ideologi politiknya; tetapi menggunakan institusinya sebagai alat perpaduan orang-orang Melayu Batu Pahat.

Pada 3hb. Januari 1946, di hadapan 3,000 orang hadirin, Dato Onn mencadangkan orang-orang Melayu bersatu di dalam sebuah persatuan yang boleh menjadi alat perpaduan penduduk-penduduk Melayu Batu Pahat. Cadangan itu disambut baik, dan satu sorakan 'Hidup Melayu' dilaungkan dan bendera putih hijau dengan peta Tanah Melayu di tengah-tengahnya dikibarkan. Persatuan itu dinamakan Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor (PSM).<sup>3</sup> Ia adalah pertubuhan yang pertama tertubuh di Batu Pahat. Sebelum itu tidak ada sebarang bentuk pertubuhan yang ditubuhkan di sama. Ini bermakna Onn Jaafar telah memulakan satu kegiatan politik yang penting di Batu Pahat.

Sebagai Pengerusi sementara PMSJ Batu Pahat<sup>4</sup> pada 9hb. Februari 1946, Onn mengadakan perjumpaan kedua bagi melantik jawatankuasa PMS, di Kelab Sukarela Batu Pahat. Seramai 60 orang hadir dan kebanyakannya terdiri dari pentadbir-pentadbir kerajaan, guru-guru dan penghulu-penghulu. Onn Jaafar dilantik sebagai Pengerusi dan Ab. Aziz Hj. Abdullah, seorang guru, sebagai Setiausaha. Manakala Syed Esa Ismail, Nazir sekolah Batu Pahat dan Haji Mohd. Noh Omar, Majistret Pontian, menjadi ahli jawatankuasa kerja.<sup>5</sup> Dengan kegigihan beliau dan sokongan jawatankuasa PMS, Onn Jaafar dapat menubuhkan cawangan-cawangan di Muar, Tangkak, Kluang dan Pontian.<sup>6</sup> Menjelang awal bulan Mac 1946, ahli-ahli PMS telah berjumlah seramai 125,000 orang. Pada akhir tahun 1947, di Muar sahaja terdapat 28 buah cawangan dengan ahlinya berjumlah 7,000 orang.<sup>7</sup>

Perluasan pengaruh PMS ke Muar memberi satu tandingan kepada LKMJ. Ia melahirkan satu ketegangan di antara kedua-dua pertubuhan. Pemimpin-pemimpin LKMJ terutama Dr. Hamzah melihat perluasan pengaruh PMS ke Muar adalah satu usaha untuk mematikan pengaruh LKMJ sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu yang penting di Muar. Kedatangan PMSJ ke Muar juga akan melemahkan kepimpinannya. Ini kerana Onn Jaafar, yang berasal dari keluarga ternama, anak angkat Sultan Ibrahim dan dikenali umum kerana penglibatannya di dalam *Warta Malaya*, *Lembaga* dan *Lembaga Malaya* pada tahun 1930-an, dengan mudah dapat mempengaruhi penerimaan orang ramai di Muar terhadap PMS. Masyarakat Melayu yang masih tradisional yang menerima

kepimpinan golongan pembesar Melayu sebagai satu perkara mesti, tidak ragu-ragu menerima Onn Jaafar. Dr. Hamzah yang berasal dari rakyat bawahan dianggap tidak layak memimpin mereka. Konsep sistem kelas yang memerintah dan yang diperintah dijamin dengan berkesan sekali di dalam masyarakat Melayu Johor.

Dr. Hamzah memang patut merasa tertekan dengan kehadiran PMS dan Onn Jaafar di dalam politik Johor dan Muar khususnya. Ini kerana beliau pernah dikalahkan oleh Onn Jaafar di dalam pertandingan merebut jawatan sebagai 'wakil rakyat' Johor ke Majlis Mesyuarat negeri Johor pada tahun 1931. Dr. Hamzah hanya mendapat 516 undi manakala Onn Jaafar mendapat 2,000 undi.<sup>8</sup> Perbezaan undi yang besar ini menunjukkan Onn Jaafar lebih terkenal dan lebih berpengaruh dari Dr. Hamzah. Ini bermakna, apa sahaja yang dijalankan oleh Onn akan dapat sambutan dari orang ramai. Ini bukan sahaja membimbangkan Dr. Hamzah tetapi ia adalah satu sebab beliau memusuhi Onn. Ini akan terpapar dengan jelas di dalam tahun-tahun 1946-1948.

Di dalam meluaskan pengaruh PMS, Onn yang masih menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat, menggunakan penghulu-penghulu dan guru-guru sekolah untuk menubuhkan cawangan-cawangan persatuan itu. Penghulu-penghulu dan guru-guru sekolah Melayu merupakan dua golongan yang dihormati di dalam masyarakat Melayu. Penghulu-penghulu adalah salah satu elit Melayu yang penting di dalam sistem politik Melayu.<sup>9</sup> Oleh itu penghormatan orang ramai kepadanya bersifat semulajadi. Antaranya, Kiyai Salleh seorang penghulu, telah menubuhkan cawangan PMS Simpang Kiri. Guru-guru sekolah Melayu pula dihormati kerana mereka adalah golongan cerdik pandai masyarakat luar bandar. Peranan mereka sebagai pendidik dipandang tinggi. Dengan itu mereka dengan mudah menubuhkan cawangan-cawangan PMS seperti di Bukit Pasir dan Sri Medan.<sup>10</sup> Maka, penggunaan penghulu-penghulu dan guru-guru Melayu itu menunjukkan Onn cukup sedar tentang kepentingan budaya politik tradisional dan moden di dalam politik mas kini orang Melayu.

Menjelang bulan Februari 1946, PMS menjadi sebuah pertubuhan yang sangat bertenaga. Pada 10hb. Februari 1946, satu perarakan besar-besaran diadakan di Batu Pahat. Seramai 15,000 orang dikatakan berarak di dalam bandar Batu Pahat dengan membawa sepanduk-sepanduk yang menaikkan semangat orang-orang Melayu, seperti 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia'. Perbarisan yang memakan masa selama 35 minit mengelilingi bandar Batu Pahat itu disertai oleh kaum wanita yang memakai baju kurung putih dan berkain hijau. Manakala kaum lelaki pula bebaris di dalam tiga barisan yang berbeza-beza pakaian dan kelengkapannya. Salah satu dari barisan mereka memakai pakaian tentera, bersenjata kayu dan bersongkok. Ini seolah-olah melambangkan pasukan Tentera Sabillullah yang menentang MPAJA.<sup>11</sup> Perbarisan ahli PMS ini menunjukkan kebangkitan kesedaran politik orang-orang Melayu Batu Pahat yang sangat menonjol akibat peristiwa pergeseran tahun 1945 itu.

Onn menubuhkan PMS bukanlah untuk suatu tujuan yang radikal. Ia hanya bertujuan untuk menjaga kepentingan kebajikan orang-orang Melayu sahaja. Di dalam ucapannya yang panjang lebar pada 10hb. Februari 1946 itu, Onn Jaafar menggariskan tujuh tujuan PMS. Antaranya ialah untuk 'meninggikan taraf orang-orang Melayu di dalam perkara-perkara politik', 'menyemai dan menggalakkan perasaan taat setia kepada pemerintahan negeri' serta 'memikir dan menjalankan ikhtiar bagi keselamatan dan faedah orang-orang Melayu'.<sup>12</sup> Ertinya PMS akan bekerja untuk kepentingan politik, kebajikan dan perpaduan orang-orang Melayu dengan cara yang sederhana dan berpengalaman. Ia tidak menuntut kemerdekaan seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang mendapat pengaruh dari Indonesia. PMS bergerak sesuai dengan sikap politik terbanyak masyarakat Melayu dewasa itu.

Penubuhan PMS ini sangat penting kepada kepimpinan politik Dato Onn Jaafar. Ini adalah pertama kali beliau menubuhkan sebuah persatuan politik. Selama ini, Onn hanya bercakap dan mengeluarkan pendapatnya mengenai kegiatan politik orang-orang Melayu di dalam akhbar-akhbar yang dipimpin olehnya di dalam tahun 1930-an.<sup>13</sup> Maka penubuhan PMS adalah peluang pentadbiran dan politik di zaman Jepun serta perhubungannya dengan Ibrahim Yaakob di dalam KRIS<sup>14</sup> juga dapat dijadikan panduan dan galakan untuk beliau menubuhkan PMS.

Onn mempunyai cita-cita yang tinggi dengan penubuhan PMS ini. Beliau ingin menjadikan PMS sebagai satu pertubuhan kebangsaan bagi orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Di dalam ucapannya pada 10hb. Februari 1946 di Batu Pahat, beliau mengatakan bahawa PMS akan disebar ke seluruh Tanah Melayu bagi menjadikan ia satu badan kebangsaan.<sup>15</sup> Beliau melihat PMS bukanlah semata-mata satu jawapan kepada masalah pepecahan orang-orang Melayu Batu Pahat atau Johor sahaja. Beliau mahu PMS memecahkan juga masalah kenegerian yang dihadapi oleh orang-orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Selama ini persatuan-persatuan yang ditubuhkan bersifat kenegerian sehingga perpaduan tidak wujud di kalangan orang-orang Melayu. Tanpa perpaduan ini tidak wujud satu pertubuhan kebangsaan bagi orang-orang Melayu.<sup>16</sup>

Cadangan Onn ini membawa satu keadaan yang baru bagi negeri-negeri Melayu. Selama ini, tiap-tiap negeri Melayu adalah negeri-negeri yang bebas di antara satu sama lain. Tiap-tiap negeri itu ditadbir oleh seorang raja yang berdaulat dengan undang-undang tubuhnya atau adat lembaga sebagai undang-undang negeri dan kawasan sempadan politik yang ditentukan oleh sungai. Kemerdekaannya diakui oleh negeri-negeri lain. Hubungan politik sebagai sebuah 'negara' yang berdaulat wujud di antara negeri tersebut. Oleh itu walaupun negeri-negeri Melayu itu kecil tetapi ia mempunyai ciri-ciri sebuah negara.

Dato Onn tidak mengubah struktur negeri-negeri yang ada; apa yang dilakukannya ialah menggabungkan negeri-negeri yang merdeka itu di dalam satu kegiatan politik yang satu berdasarkan kepada satu bangsa. Pendekatan ini tidak mengubah keadaan negeri-negeri Melayu yang 'merdeka'; tetapi di dalam masa yang sama mendekatkan mereka di antara satu sama lain di dalam satu cita-cita politik yang sama. Ini bermakna, Onn Jaafar mengiktiraf ciri-ciri kenegaraan negeri-negeri Melayu, tetapi untuk memantapkan kewujudan satu bangsa Melayu, kegiatan kebangsaan itu dijadikan satu.

Penggunaan nama 'Semenanjung' di dalam PMS itu juga menunjukkan satu lagi cita-cita Onn yang penting iaitu untuk memintas pengaruh Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang telah ditubuhkan pada 17hb. Oktober 1945. PKMM adalah pertubuhan konsep Melayu Raya dan melihat Indonesia sebagai negara induk bagi Negeri-negeri Melayu didalam kepulauan Melayu. Pegangan PKMM ini sebenarnya adalah penerusan kepada dasar KMM yang gagal membawa Tanah Melayu merdeka di bawah Indonesia Raya dalam tahun 1945.<sup>17</sup> Dengan menggunakan seruan 'Merdeka', PKMM cuba mendapatkan pengaruh dari kalangan rakyat bawahan, terutama yang mempunyai darah keturunan Indonesia. PKMM berjaya meluaskan pengaruhnya di seluruh Tanah Melayu dengan mendapat ahli seramai 53,380 orang pada bulan Disember 1947.<sup>18</sup>

Onn Jaafar melihat perkembangan PKMM itu sebagai satu ancaman kepada Semenanjung Tanah Melayu. Ini telah dibayangkan oleh Onn apabila Dr. Burhanuddin berjanji meneruskan usaha mencapai kemerdekaan Malaya di bawah Indonesia Raya, setelah gagal berbuat begitu pada 17hb. Ogos 1945. Onn mengatakan adalah lebih baik bagi orang Melayu membetulkan ekonomi mereka dahulu sebelum berbuat apa-apa langkah lanjut.<sup>19</sup> Sikapnya itu tidak berubah, walaupun Dr. Burhanuddin dan kawan-kawannya seperti Ahmad Boestamam meneruskan cita-cita mereka untuk merdeka di bawah Indonesia Raya dengan menubuhkan PKMM. Caranya sama seperti tindakan Dr. Burhanuddin iaitu menubuhkan satu pertubuhan politik yang bersifat kebangsaan seperti PKMM.<sup>20</sup>

Dato Onn pada dasarnya tidak bersetuju dengan ideologi Melayu Raya. Bagi Dato' Onn, kemerdekaan yang tergesa-gesa yang diperjuangkan oleh PKMM tanpa perancangan dan pembiakan ekonomi dan sosial orang-orang Melayu, akan menjadikan kemerdekaan itu satu kemerdekaan yang kosong dan lemah.<sup>21</sup> Pembentukan sebuah negara Melayu Raya dan percantuman dengan Indonesia pula dilihat oleh Dato Onn sebagai satu tindakan yang tidak sesuai kerana masalah penaklukan British ke atas Tanah Melayu melalui Malayan Union itu patut diselesaikan dahulu. Tambahan pula sempadan politik yang telah wujud di antara Tanah Melayu dan Indonesia telah melahirkan berbagai-bagai keadaan yang berbeza di antara keduanya. Oleh itu ideologi politik PKMM bagi Dato Onn tidak patut dibiarkan berkembang. Cita-cita PMS yang lebih sesuai dengan struktur dan nilai-nilai masyarakat Melayu Semenanjung patut dihidupkan.<sup>22</sup>

Untuk membuktikan PMS bersifat kebangsaan Melayu, Onn menubuhkan beberapa cawangan PMS di Alor Gajah, Tranquera, kampung Umbai - Pulau Besar dan bandar Melaka pada bulan Februari dan Mei 1946.<sup>23</sup> Menjelang akhir tahun 1946, terdapat 36 buah cawangan PMS di Melaka.<sup>24</sup> Penubuhan cawangan-cawangan di luar negeri Johor ini menunjukkan Onn Jaafar memang bersungguh-sungguh mahu membentuk PMS sebagai pertubuhan kebangsaan bagi seluruh Tanah Melayu.

Nyata sekali cita-cita dan pengaruh PMS lebih besar dan lebih meluas dari LKMJ. PMS mempunyai skop kegiatan yang meliputi kawasan luar Johor. Ini memperlihatkan cara pemikiran pemimpin PMS lebih jauh dari pemimpin LKMJ. Onn Jaafar yang mempunyai banyak pengalaman di dalam soal-soal bangsa Melayu melalui kerjanya sebagai wartawan, dapat melihat jalan-jalan terbuka yang patut ditempuh oleh orang Melayu sebagai satu bangsa yang besar. Beliau juga dapat melihat matlamat sebenar perjuangan sebuah persatuan politik Melayu di Tanah Melayu pada masa itu.

Pentingnya peranan Onn dan PMS dalam politik Johor menjadi lebih menonjol lagi apabila PMS menjadi penggerak kepada Kongres Melayu 1946 bagi menentang Malayan Union.<sup>25</sup> Onn Jaafar seperti juga orang-orang Melayu<sup>26</sup> lain yang sedar dengan padah yang dibawa oleh Malayan Union, telah bangkit mengetuai orang-orang Melayu seluruh Semenanjung menentang Malayan Union. Peranan ini meletakkan beliau sebagai pemimpin kebangsaan orang-orang Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Kedudukan Onn ini telah membezakan beliau dari pemimpin-pemimpin Johor yang lainnya. PMS juga menjadi persatuan yang lebih utama dari LKMJ. Ini dengan sendirinya mengenenpikan Dr. Hamzah dari LKMJ.

Malayan Union adalah satu bentuk kerajaan yang mencantumkan semua negeri-negeri Melayu sebagai sebuah negara kesatuan. Ia akan diketuai oleh seorang Gabenor yang dilantik oleh England dan Wales. Sistem pentadbirannya adalah berpusat dan kerakyatannya adalah satu dengan menggunakan dasar *jus soli*.<sup>27</sup> Ini bermakna Tanah Melayu akan menjadi tanah jajahan takluk British dan penduduknya adalah rakyat British, dan akan menggunakan perundangan British yang diluluskan oleh House of Commons, England.

Orang Melayu menentang MU kerana pertama; ia adalah satu penjajahan ke atas negeri-negeri Melayu, yang selama ini adalah negeri-negeri yang dilindungi oleh British. Penjajahan ini bererti penolakan kepada tradisi kerajaan dan kebudayaan Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Kedudukan orang Melayu sebagai pribumi juga akan terjejas. Kedua; mereka tidak berpuashati dengan cara tandatangan Raja-raja Melayu diambil. Bagi kebanyakan orang Melayu, Harold MacMichael menggunakan ancaman-ancaman<sup>28</sup> dan tidak membenarkan Raja-raja Melayu mendapat nasihat yang cukup dari ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>29</sup> Mereka juga menentang kehilangan kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai ketua dan simbol ketuanan negeri-negeri Melayu.<sup>30</sup> Penghapusan kedaulatan Raja-raja Melayu ini sangat penting kerana orang-orang Melayu



akan kehilangan kepimpinan tradisional mereka.<sup>31</sup> Mereka juga akan kehilangan kedudukan sebagai pribumi Tanah Melayu akibat dari dasar kerakyatan Malayan Union yang longgar. Mereka bimbang akan menjadi masyarakat yang kecil di dalam Tanah Melayu.<sup>32</sup>

Di Johor, penentangan orang Melayu sangat jelas. Daya usaha itu telah dimulakan oleh persatuan-persatuan yang cergas di Johor Bahru, seperti cawangan Lembaga Kesatuan Melayu dan Persatuan Melayu Johor (PMJ). Kedudukan mereka yang berdekatan dengan Singapura membolehkan mereka menerima berita-berita lebih awal dari tempat-tempat lain. Perhubungan ini juga menjadikan mereka cepat sedar dengan segala perkembangan, kerana Singapura adalah pusat pentadbiran dan kegiatan ekonomi British.

Satu demonstrasi besar-besaran telah diadakan di Johor Bahru pada awal bulan Januari 1946, sebaik-baik sahaja kertas putih Malayan Union disebarkan kepada orang ramai. Naib Presiden LKMJ cawangan Johor Bahru, Ungku Omar Abdullah, seorang golongan bangsawan Johor yang sangat cergas berpolitik, telah memberi ucapan mengutuk Malayan Union. Ucapannya diikuti pula oleh pidato Dr. Hamzah, yang melahirkan kebencian yang sama. Ucapan-ucapan mereka menaikkan semangat orang-orang Melayu yang berhimpun, sehingga kertas putih MU itu dikoyak-koyakan, sebagai tanda penolakan mereka terhadap MU.

Demonstrasi ini, seperti juga demonstrasi orang Melayu di Kota Bharu dan Alor Star, gagal menahan British dari melaksanakan MU pada 1 April 1946. Perlaksanaan ini disambut dengan perasaan bimbang dan keluh-kesah oleh orang Melayu. Bagi orang bukan Melayu pula, ia diterima dengan bersahaja, kecuali ada bantahan kecil tentang pemisahan Singapura dari Tanah Melayu.

Beberapa anggota PMJ dan LKMJ, telah membuat keputusan untuk mendapatkan seorang tokoh yang boleh mengembelingkan tenaga orang Melayu. Inilah perasaan beberapa orang anggota PMJ yang tidak kurang penting Syed Alwi AlHadi dan Anuar Malik. Mereka perlu mencari seorang pemimpin yang dapat mengetuai penentangan terhadap Malayan Union. Dengan sikap itu, mereka menaiki sebuah van ke Batu Pahat dan mendesak Onn Jaafar menjalankan tugas itu. Kepercayaan mereka kepada Onn memperlihatkan beliau sebagai pemimpin yang disegani di Johor, melebihi dari pemimpin-pemimpin LKMJ dan PMJ.

Akhbar *Majlis* juga mengiktiraf kemampuan Dato Onn. Pengarangnya, Mohd. Yunus Hamidi, di dalam rencana pengarangnya pada 12hb. Januari 1946 telah mencadangkan Onn Jaafar supaya tampil ke depan memimpin orang Melayu. Beliau lebih awal meyakini kewibawaan Dato Onn. Di dalam Kongres Melayu 1940 di Singapura, Dato Onn berupaya menunjukkan ketokohnya apabila beliau menyeru supaya orang-orang Melayu menguatkan diri mereka sebagai satu bangsa. Ketiadaan seorang pemimpin kebangsaan menurut Onn adalah sebab terjadinya kelemahan politik orang Melayu.<sup>33</sup> Mohd. Yunus Hamidi

mendapati Onn Jaafar adalah pemimpin yang dinantikan oleh orang-orang Melayu.<sup>34</sup>

Onn menerima desakan itu. Kesedaran beliau terhadap kesan MU kepada orang Melayu juga sangat mendalam. Onn, seperti orang-orang Melayu lain, melihat Malayan Union akan membawa kesan buruk kepada masyarakat Melayu. Bagi Onn, Malayan Union akan menghapuskan kebudayaan Melayu dan negeri Melayu. Orang Melayu mengikutnya akan kehilangan asal-usulnya.<sup>35</sup>

Satu surat rayuan mengajak orang-orang Melayu bersatu telah dihantarkannya kepada Utusan Melayu pada 23hb. Januari 1946. Di dalam suratnya Dato Onn mencadangkan beberapa perkara penting. Mengikutnya, satu kongres patut diadakan bagi membincangkan soal Malayan Union itu.<sup>36</sup> Kongres itu akan diadakan di Melaka sempena kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Melaka juga merupakan negeri Melayu yang paling tua menerima penjajahan Barat. Penentangan di Melaka bererti penentangan kepada penjajahan MU itu sendiri.<sup>37</sup>

Surat Dato Onn itu merupakan rayuan pertama dari seorang tokoh negeri Melayu yang ingin masalah Malayan Union itu dibincangkan secara bersama. Selama ini persatuan negeri-negeri Melayu dan akhbar-akhbar Melayu<sup>38</sup> membangkitkan penentangan mereka secara berasingan ke Pejabat Tanah Jajahan. Begitu juga dengan demonstrasi-demonstrasi yang dijalankan di Kota Bharu dan Alor Star.<sup>39</sup> Sifat kenegerian menjadikan penentangan orang Melayu terpencil dan tidak berkesan.<sup>40</sup> Surat Dato Onn mengatasi jurang kenegerian orang-orang Melayu itu.<sup>41</sup>

Cadangan Dato Onn disokong oleh akhbar-akhbar *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Warta Negara*.<sup>42</sup> Ketiga-tiganya mendesak Dato Onn mengambil langkah-langkah yang lebih tegas di dalam melaksanakan cadangannya itu.

Kekecohan politik Johor pada awal Februari 1946 telah memperlahankan usaha Dato Onn untuk mengadakan kongres.<sup>43</sup> Dato Onn terpaksa campurtangan di dalamnya, kerana beliau dipercayai oleh kedua-dua pihak yang terlibat. Satu kumpulan yang dikenal sebagai 'Orang Tujuh' yang terdiri dari tujuh orang pegawai kerajaan, telah membuat usul untuk menggulingkan Sultan Ibrahim Johor. Mengikut mereka Sultan Ibrahim telah melanggar Fasal 14 dan 15 perlembagaan Johor yang menetapkan Sultan dan keturunannya ditegah dari menjual atau menyerahkan sebarang kawasan negeri Johor dan jajahan takluknya kepada sebarang kuasa luar.

Kumpulan ini diketuai oleh Dato Ab. Rahman Mohd Yassin, seorang pegawai kanan kerajaan Johor yang telah berkhidmat sejak tahun 1895. Beliau mengetuai sebuah persatuan yang dikenal sebagai Persatuan Melayu Johor yang beribupejabat di Johor Bahru. PMJ yang ditubuhkan pada awal tahun 1945, sebelum ini adalah badan sosioekonomi pegawai kerajaan Johor. Ia kemudian menjadi sebuah persatuan politik dengan mengambil isu yang sangat penting iaitu menggulingkan Sultan Johor. Tindakan ini sangat menarik kerana inilah pertama kalinya Johor mempunyai satu gerakan yang boleh dianggap sebagai

satu penderhakaan rakyat kepada raja. Satu gerakan yang sangat asing di dalam sebuah masyarakat Melayu yang masih bersifat tradisional.

Gerakan Dato Ab. Rahman ini telah memecahkan corak kesetiaan rakyat Johor. Beliau dan rakan-rakannya telah bersifat demokratik di dalam tindakan mereka. Mereka nampaknya mempunyai pendapat dan pegangan yang berbeza terhadap bidang kuasa Sultan Johor. Bagi mereka, kesetiaan kepada Sultan Johor hanya boleh ditunjukkan oleh rakyat jelata jika sekiranya Sultan itu menunjukkan dan menjalankan satu sistem pentadbiran yang baik dan bertanggungjawab, tetapi jika sekiranya perkara sebaliknya berlaku, rakyat berhak menggantikan Sultan itu. Ertinya pepatah Melayu, 'Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah', dijalankan oleh kumpulan Tujuh ini.

Penentangan kumpulan ini secara langsung telah menyemarakkan kesedaran politik sebahagian kecil orang Melayu di Johor. Gerakan orang Tujuh ini dilihat oleh mereka sebagai satu usaha mempertahankan tanahair mereka dari terjual kepada British. Mereka sanggup menentang siapa sahaja, demi untuk tujuan itu. Walaupun gerakan ini bersifat tempatan dan tidak menyeluruh di seluruh Semenanjung, tetapi ia telah membezakan gerakan menentang Malayan Union di Johor dari negeri-negeri Melayu yang lain. Gerakan di Johor bukan sahaja menentang British, tetapi juga Raja Melayu yang menurunkan tandatangannya.

Dato Ab. Rahman dan anggota-anggota PMJ dengan berani dan secara terbuka menentang Sultan Ibrahim. Satu persidangan terbuka yang dihadiri oleh ramai orang-orang Melayu telah diadakan di Masjid Abu Bakar Johor Bahru pada 2hb. Februari 1946. Mesyuarat itu telah membuat keputusan menghantar resolusi-resolusi menentang tandatangan Sultan Ibrahim. Ia ditandatangani oleh Dato Ab. Rahman, Dr. Awang Hassan, Abdullah Sulaiman, Safiah Sulaiman, Haji Kosai Abd. Rahman, Haji Hassan Yunus dan Sulaiman Abd. Rahman. Kesemuanya adalah pegawai-pegawai kerajaan dan guru-guru kecuali Sulaiman yang merupakan peguam persendirian. Ini bermakna mereka cukup sedar dengan akibat dari tindakan itu.

Kesungguhan mereka bukan setakat di Johor sahaja. Mereka telah menghantar Resolusi itu ke Pejabat Tanah Jajahan<sup>43</sup> supaya kerajaan British sedar dengan sikap sebenar rakyat Johor. Mereka juga menyebarkan resolusi itu ke seluruh Tanah Melayu,<sup>44</sup> demi untuk menunjukkan sebahagian rakyat Johor sanggup bertindak dengan berani melepasi kebiasaan rakyat Melayu yang lain.

Dato Onn diminta bersama menganggotai gerakan ini. Pada mulanya Dato Onn bersetuju, tetapi selepas berunding dengan Sultan Ibrahim, Dato Onn membatalkan sokongannya. Tindakan Onn sangat mudah untuk difahami. Beliau bukanlah orang asing kepada Sultan Ibrahim. Sejak dari kecil lagi beliau telah dijadikan anak angkat baginda. Istana Sultan Ibrahim adalah rumah kedua baginya. Kakaknya Che Dara (Enche Tengku) adalah isteri Sultan Ibrahim. Bapanya Dato Jaafar dan abang-abangnya, Dato Abdullah dan Dato Mustapha adalah Menteri-menteri Besar Johor yang dilantik oleh Sultan Ibrahim. Hubungan yang begitu rapat tidak memudahkan Dato Onn bertindak sebaliknya.

Secara dasarnya, Dato Onn adalah seorang yang berjiwa konservatif. Beliau percaya kepada institusi raja sebagai satu ciri dasar sistem politik dan kebudayaan Melayu. Walaupun beliau membidas Sultan Ibrahim dengan begitu pedas dalam akhbar-akhbarinya pada tahun 1930-an namun beliau tidak berhasrat untuk menggulingkan atau membuang Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim tetap diiktirafnya sebagai Sultan Johor yang sah dan tonggak kerajaan Melayu Johor.

Ini bermakna, sikap politik Dato Onn berbeza dari Dato Ab. Rahman Mohd. Yassin dan rakan-rakannya. Dato Onn melihat kesilapan dan kesalahan Sultan Ibrahim itu boleh diperbaiki dengan membuat langkah-langkah lain yang boleh memulangkan semula kedudukan orang-orang Melayu. Menggulingkan Sultan Ibrahim bagi pendapat Dato Onn terlalu besar kesannya kepada masyarakat Melayu. Ia akan menimbulkan satu kacau-bilau di dalam masyarakat. Ini akan merumitkan usaha-usaha orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Bagi Dato Onn, yang patut ditentang ialah British bukannya Sultan Ibrahim.<sup>45</sup>

Perbezaan pendapat ini menandakan titik permulaan kepada satu permusuhan politik yang panjang di antara dua pemimpin ini. Dato' Ab Rahman dan rakan-rakannya gagal dalam usaha mereka untuk menggulingkan Sultan Ibrahim. Sebaliknya mereka digantung kerja selama beberapa bulan<sup>46</sup> oleh Sultan Ibrahim. Mereka terpaksa hidup dalam kesempitan wang, merasa aib dan terpisah dari masyarakat.<sup>47</sup> Sedangkan Dato Onn sebaliknya. Beliau terus dipercayai oleh Sultan Ibrahim, sehingga dilantik menjadi pemangku Menteri Besar beberapa bulan kemudian. Ini sudah tentu tidak membolehkan Dato Ab. Rahman memaafkan Dato Onn. Beliau dan persatuannya, PMS, menjadi kumpulan penentang Dato Onn di Johor dan kemudiannya di dalam UMNO.

Sementara itu, diperingkat Semenanjung, Dato Onn muncul sebagai tokoh yang penting. Dengan menggunakan PMS dan kerjasama dari pemimpin-pemimpin Melayu Selangor,<sup>48</sup> beliau melaksanakan kongres Melayu 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru pada 1 Mac 1946. Semua lapisan masyarakat Melayu sama ada dari golongan atasan, bawahan, berhaluan 'kanan' dan 'kiri', menyokong beliau. Persatuan-persatuan Melayu dari seluruh negeri Melayu yang berjumlah 39 buah telah menghadiri kongres ini. Orang-orang Melayu lainnya menjadi pemerhati dan penyokongnya. Ia adalah satu perhimpunan raksaksa Melayu yang pertama di dalam sejarah nasionalisme dan politik Melayu Semenanjung.<sup>49</sup>

Di dalam kongres itu Dato Onn telah dilantik sebagai Pengerusi Kongres dengan sebulat suara. Kongres ini mendapat restu dari Sultan Selangor, Sultan Hishammudin Alam Shah, satu-satunya Raja Melayu yang dengan mudah menurunkan tandatangannya di dalam perjanjian Malayan Union. Baginda bukan sahaja telah merasmikan kongres tersebut bahkan mendermakan \$5,000. Tindakan ini boleh dikatakan sebagai lambang kesedaran terhadap kesilapannya. Ini tergambar di dalam ucapannya yang berharap orang Melayu akan bersatu hati menentang segala perkara yang melemahkan mereka.

Restu Raja Melayu ini sangat penting atas dua perkara. Pertama, ia melambangkan kesempurnaan sebuah organisasi Melayu yang sentiasa dilindungi oleh Raja Melayu. Kedua, Dato Onn ingin menunjukkan kepada British bahawa kongres ini bukan satu kegiatan rakyat Melayu yang lemah. Ia adalah satu kegiatan yang kuat, yang disokong oleh Raja Melayu.

Perlantikan Onn sebagai Pengerusi Kongres 1946 sangat penting sekali. Ia menunjukkan kepimpinan Onn telah bersifat kebangsaan. Beliau telah dapat mengatasi kepentingan pemimpin lain di Johor dan juga dari negeri-negeri Melayu serta persatuan Melayu yang lain. Walaupun terdapat tokoh-tokoh bangsawan yang lain seperti Dato Nik Ahmed Kamil dari Kelantan, ataupun tokoh-tokoh kiri Melayu seperti Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam yang terlebih dahulu telah memimpin parti politik, namun ketokohan Dato Onn mengatasi mereka.

Ini bermakna Dato Onn telah dapat memindahkan kepimpinan Melayu dari utara dan tengah Tanah Melayu kepada Johor. Selama ini, Johor tidak memainkan peranan penting di dalam menubuhkan persatuan-persatuan sosio politik yang penting setanding dengan Persatuan Melayu Selangor atau Kesatuan Melayu Muda, yang boleh mewakili kegiatan-kegiatan politik orang Melayu Semenanjung sebelum 1946. Maka, dengan menjadi pemimpin kepada kongres Melayu 1946, Dato Onn telah meletakkan Johor dan dirinya sebagai pemimpin politik Melayu yang utama. Pengisytiharan dan kelahiran UMNO di Istana Besar Johor Bahru di bawah naungan Sulatan Ibrahim menyempurnakan pemindahan dan kepimpinan Dato Onn di dalam kegiatan politik Melayu Semenanjung.

Kegiatan Dato Onn menaikkan nama Johor dan dapat menyatukan orang Melayu di saat yang begitu genting dan hal ini sangat membanggakan Sultan Ibrahim. Dengan itu empat bulan kemudian, Onn dilantik menjadi pemangku Menteri Besar Johor bagi menggantikan Ungku Aziz bin Tengku Mahkota Tengku Ismail, kawan rapat Onn sejak kecil. Setahun kemudian iaitu pada 17 september 1947, Onn dilantik menjadi Menteri Besar Johor.<sup>50</sup>

Dato Onn sangat kritikal di dalam perlintikannya itu. Beliau, di dalam suratnya pada 5hb Disember 1946, meminta perlintikannya itu didasarkan kepada kuasa dan kedaulatan Sultan Ibrahim sebagai Raja Johor mengikut Undang-undang Tubuh Johor 1895. Beliau tidak mahu menerima perlintikan itu sebagai perlintikan kerajaan Malayan Union.<sup>51</sup> Ini menunjukkan Dato Onn cukup sedar dengan kepentingan dan kedudukannya sebagai pemimpin orang-orang Melayu yang sedang menentang Malayan Union. Beliau tidak mahu kepentingan politik orang Melayu terjejas.

Dengan perlintikannya bererti jawatan Menteri Besar itu dibolot oleh keluarga Dato Jaafar dan pembesar-pembesar dari Telok Belanga, tempat asal pentadbiran Johor.<sup>52</sup> Dengan itu pembesar-pembesar dari daerah lain terutama keturunan orang-orang kaya Muar yang dilantik oleh Raja Ali, anak Sultan Hussein Singapura tertinggal ke belakang. Apabila Muar diletakkan di dalam pentadbiran Sultan Abu Bakar pada tahun 1855, kesemua orang-orang kaya itu

terletak di bawah pentadbiran Johor. Oleh kerana Sultan Abu Bakar telahpun mempunyai pengikut-pengikutnya di Telok Belanga, maka perlantikan pegawai-pegawai istana dan pentadbiran Johor diambil dari kumpulan itu. Ini berterusan sehingga kezaman pemerintahan Sultan Ibrahim.<sup>53</sup>

Perlantikan Dato Onn sebagai Menteri Besar memberi peluang baru kepada cerdik pandai Muar menentang Sultan Ibrahim. Peluang ini membolehkan LKMJ dan PMS membidas Dato Onn dan Sultan Ibrahim serentak. Isu yang bersifat kedaerahan dan pentadbiran ini menjadi isu politik yang dapat memberi penampilan yang lebih luas kepada kedua-dua persatuan ini. Pencapaian Dato Onn di dalam politik Semenanjung juga menjadi sebab rasa tidak puas hati mereka terhadap Dato Onn.

Satu tunjuk perasaan telah diadakan di Johor Bahru pada 12 Disember 1946. Pemimpin-pemimpin LKMJ terutamanya Dr. Hamzah dan Ungku Abdullah Omar, Timbalan Presiden LKMJ, telah memberi ucapan-ucapan panjang lebar menentang perlantikan Dato Onn. Bagi Dr. Hamzah, Dato Onn tidak layak menjadi Menteri Besar kerana kurang pengalaman pentadbiran. Beliau hanya terletak di dalam kelas B perkhidmatan Johor. Kedudukannya ini jauh lebih rendah dari Dato Abd. Rahman Mohd. Yassin yang telah bekerja sejak tahun 1895 tanpa putus-putus.<sup>54</sup>

LKMJ dan PMJ menolak perlantikan itu<sup>55</sup> kerana Sultan Ibrahim dikatakan tidak mengikut perlembagaan di dalam melantik Dato Onn. Baginda telah melanggar bidang kuasanya, kerana kuasa eksekutif Sultan Ibrahim yang diperuntukan oleh Undang-undang Tubuh 1895 telah luput dengan pelaksanaan Malayan Union.<sup>56</sup> Dakwaan LKMJ ini adalah benar kerana sewaktu Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian 1946, baginda telah bersetuju untuk menyerahkan semua kuasanya kepada raja England.<sup>57</sup>

Bagaimanapun kebenaran dakwaan PMS dan LKMJ kalah oleh "permainan" politik British. Walaupun bidang kuasanya telah tercabar, namun British yang mengharapkan sokongan politik orang-orang Melayu dan Raja Johor, telah menutup mata dalam hal tersebut. Ini kerana penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union telah cukup mengancam British. Maka sebarang tindakan yang akan memburukkan lagi keadaan cuba dielakkan oleh British. Oleh kerana sikap British ini, demonstrasi PMJ dan LKMJ menentang perlantikan Dato Onn itu tidak mendatangkan sebarang hasil. Walaupun LKMJ menghantar surat bantahan dan menghantar tiga orang wakilnya iaitu Dr. Hamzah, Abdullah Hj. Taib dan Ungku Abdullah Omar, untuk berbincang dengan Sultan Ibrahim,<sup>58</sup> namun LKMJ gagal untuk mengubah keputusan Sultan Ibrahim. Dato Onn Jaafar kekal sebagai Menteri Besar Johor.

Sebenarnya, penggunaan bidang kuasa Sultan Ibrahim ini menikam LKMJ dan PMJ secara tegas. Apabila Dr. Hamzah Hj. Taib menunjukkan Sultan Ibrahim tidak lagi berkuasa melantik Menteri Besar bererti Dr. Hamzah mengakui kuasa dan kesahihan kerajaan Malayan Union. Ini bererti beliau menafikan kepentingan orang Melayu Johor menentang Malayan Union di dalam rapat

umum pada awal bulan Januari 1946. Ia juga bertentangan dengan gerakan orang Melayu menentang Malayan Union melalui kongres 1946 dan UMNO. Natiujahnya, LKMJ, demi untuk menentang Dato Onn dan Sultan Ibrahim, sanggup menerima penjajahan British ke atas Tanah Melayu, walaupun hanya sebagai satu strategi politik.

PMJ pula menggunakan Majlis Mesyuarat Negeri Johor untuk menentang Dato Onn. Keluarga Dato Ab. Rahman yang merupakan pendokong-pendokong PMJ menjadi pengkritik Dato Onn di dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Dr. Ismail anak kedua Dato Ab. Rahman yang berkelulusan ijazah perubatan dari Australia, dilantik menjadi ahli tidak rasmi MMNJ. Beliau kerap menentang cadangan-cadangan Dato Onn; antara yang penting ialah perantikan Syed Salim Al Attas sebagai Mufti Johor. Dr. Ismail mencadangkan Haji Hassan Yunus, yang berkelulusan Universiti Azhar dan seorang anggota PMJ sebagai Mufti Johor. Ini ditolak oleh Dato Onn kerana Haji Hassan merupakan salah seorang kumpulan Tujuh yang mahu menggulingkan Sultan pada tahun 1946. Mengikuf Dato Onn, Sultan Ibrahim tidak akan bersetuju kerana soal agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Sultan.<sup>59</sup> Penolakan itu mendalamkan lagi rasa tidak puashati tokoh-tokoh Muar kepada Dato Onn.

Penentangan PMJ dan tokoh-tokoh Muar ini dipanjangkan pula di dalam UMNO. Dato Onn yang memimpin UMNO tidak disokong oleh Dato Ab. Rahman dan anak-anaknya. Dato Ab. Rahman dan persatuannya, PMJ, kerap tidak menghantar wakil di dalam mesyuarat agung UMNO, terutama di persidangan-persidangan yang membincangkan cadangan Perjanjian Persekutuan 1948. PMJ juga tidak memungut derma kebangsaan Melayu, iaitu derma yang dibuat oleh UMNO dan membiayai aktiviti-aktiviti politik UMNO. PMJ juga tidak aktif menyokong dasar-dasar ekonomi UMNO dan Kegiatan-kegiatan lain.<sup>60</sup> PMJ dan Dato Ab Rahman bolehlah dianggap tidak begitu cergas di dalam cergas di dalam UMNO kebangsaan.<sup>61</sup>

Anak Dato Ab. Rahman juga memperkecilkan Dato Onn dan UMNO. Sulaiman, anak sulung Dato Ab. Rahman, dikatakan sering mengejek ahli-ahli UMNO yang datang ke pejabatnya di Batu Pahat untuk memungut derma. Beliau menuduh ahli-ahli UMNO menjadi tali barut Dato Onn.<sup>62</sup> Beliau dan adiknya Dr. Ismail tidak menjadi anggota UMNO sehingga Dato Onn keluar dari Umno di dalam tahun 1951. Kebencian mereka kepada penguasaan Dato Onn di dalam pentadbiran Johor dan politik orang Melayu sangat ketara sekali. Mereka enggan mengakui kedudukan Dato Onn sebagai pemimpin penting Tanah Melayu.

Sebaliknya, Dato Onn juga bertanggungjawab kepada keadaan ini. Walaupun Dato Ab. Rahman menjadi pegawai kewangan UMNO ketika wakil UMNO berunding dengan British di dalam tahun 1947, tetapi penonjolan beliau sebagai pemimpin penting UMNO tidak ada 'follow-up'. Beliau agak tenggelam di dalam UMNO kebangsaan dan UMNO negeri. Ini kerana, beliau yang merupakan pemimpin PMJ bukanlah kawan rapat Dato Onn berbeza dengan kawan-kawan

'inner-circle' Dato Onn di dalam PMJ seperti Syed Alwi Al-Hady, Syed Kadir Yusof, Haji Mohd. Noh dan Dato Wan Idris. Dengan menonjolkan kawan-kawannya, Dato Onn dapat mengeneipkan Dato Ab. Rahman dan tokoh-tokoh PMJ yang lain di dalam UMNO. Maka kedudukannya di dalam UMNO menjadi kuat kerana sokongan padu kawan-kawannya. Dengan itu, Dato Onn dapat menguasai UMNO, tanpa dibayangi oleh tokoh-tokoh lain, terutama dari Johor. Dato Ab. Rahman, dengan itu tidak menonjol di dalam UMNO, Walaupun ia adalah abang ipar Dato Onn.<sup>63</sup>

Menjelang akhir tahun 1947, Dato Onn, yang mewakili UMNO bersama Raja-raja Melayu dan pihak British telah mendapat kata sepakat untuk membubarkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu. British bersetuju untuk menarik semula bentuk kerajaan kesatuan Negeri-negeri Melayu dan dipulihkan semula sebagai kerajaan yang berotonomi, raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan di negeri-negeri Melayu dan kerakyatan diperketatkan.<sup>64</sup> Kesemuanya ini menjadi deraf perjanjian Persekutuan 1948.

Cadangan Perjanjian Persekutuan 1948 itu, memberi isu baru untuk LKMJ dan PMJ menentang Dato Onn. Kali ini Sultan Ibrahim dan UMNO dikaitkan sama. Dato Onn sebagai pemimpin UMNO dan Menteri Besar Johor dan Sultan Ibrahim sebagai Raja Johor telah menandatangani Perjanjian Persekutuan pada 21 Januari 1948. LKMJ dan PMJ menentang tindakan Dato Onn, Sultan Ibrahim dan UMNO secara terbuka.

Alasan LKMJ dan PMJ adalah bersifat perlembagaan. Mereka tidak puashati dengan perlembagaan 1948 yang memberi sedikit sangat keistimewaan kepada Raja-raja Melayu dan kepada rakyat Melayu pula ia tidak memberi apa-apa keuntungan.<sup>65</sup> Ini kerana mengikut LKMJ, Perlembagaan 1948 tidak memberikan satu kemerdekaan penuh kepada Tanah Melayu.<sup>66</sup> Sikap Dato Onn yang hanya menghidupkan semula keadaan politik Tanah Melayu seperti pra-1941 tidak dipersetujui.<sup>67</sup> Alasan Dato Onn yang mengatakan orang Melayu masih belum layak untuk merdeka kerana masih mundur di bidang politik, ekonomi dan pelajaran, di dalam ucapannya di Alor Star pada bulan Januari 1947, tidak dapat diterima. Pendapat ini disanggah oleh Dr. Hamzah, pemimpin LKMJ, yang menyebut 'ulat dalam batu pun boleh hidup'.<sup>68</sup>

LKMJ dengan itu menjadi pengkritik UMNO yang lantang apabila cadangan-cadangan Perjanjian Persekutuan dibincangkan dalam mesyuarat agung UMNO. Sebagai ahli bergabung, kedudukan LKMJ tidaklah begitu kuat seperti ahli biasa. Oleh itu cadangan-cadangannya telah ditolak dalam mesyuarat UMNO di Alor Star. LKMJ gagal untuk mempengaruhi UMNO supaya cadangan Perlembagaan 1948 itu ditolak sepenuhnya. Cadangan LKMJ dikalahkan dengan 25 suara menentang dan 2 berkecuali. Hanya 2 persatuan sahaja menyokong, iaitu Saberkas dan Persatuan Melayu Sabak Bernam.<sup>69</sup> LKMJ sekali lagi gagal untuk membangkitkan perkara yang sama dalam mesyuarat agung UMNO di



Kota Bahru pada 10 Mei 1947. Ini menyebabkan ia keluar dari UMNO pada hari berikutnya.<sup>70</sup>

Alasan-alasan LKMJ ini sebenarnya adalah alasan PUTERA, iaitu satu gabungan persatuan dan parti politik kiri Melayu yang berindukkan PKMM. PKMM, yang telah keluar dari UMNO pada bulan Mei 1946, telah menolak Perjanjian Persekutuan 1948 di atas alasan bahawa ia tidak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Ia mengatakan bahawa Dato Onn dan UMNO hanya melanjutkan satu penindasan politik dan penjajahan British ke atas masyarakat Melayu yang mengekalkan penguasaan golongan diraja dan bangsawan dalam masyarakat Melayu.<sup>71</sup>

Persamaan alasan itu menunjukkan sikap politik yang sama di antara keduanya, kedua-duanya menolak sikap UMNO yang tidak tegas dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Dasar perjuangan mereka lebih radikal jika dibandingkan dengan UMNO yang bersifat konservatif. Ini tidak menghairankan kerana kedua-dua parti atau persatuan politik ini dipimpin oleh mereka yang datangnya dari kelas rakyat yang terpengaruh dengan idea-idea revolusi Indonesia. Oleh itu mereka menolak segala bentuk tolak-ansur dan penghidupan semula kuasa tradisional dalam politik UMNO yang meminta perlindungan dari British dan Raja-raja Melayu. Pemimpin-pemimpin UMNO pula yang datangnya dari golongan atasan dan yang telah terdidik dengan nilai-nilai kolonial British tidak akan membentuk UMNO seperti PKMM. Mereka pula disokong oleh ahli-ahli UMNO yang menerima sistem hirarki dan nilai-nilai tradisional di dalam UMNO. Oleh itu LKMJ, dan PKMM-PUTERA adalah terasing dari budaya politik UMNO. Dengan itu LKMJ bekerjasama dengan PUTERA secara rasmi untuk menentang UMNO dan Dato Onn.

Kerjasama LKMJ dengan PUTERA ini menjadi lebih kuat lagi dengan sokongan PMCJA (Pan Malayan Council of Joint Action) yang menentang UMNO dan perlembagaan 1948. PMCJA terdiri dari parti dan persatuan politik kecil dan besar yang kebanyakannya dianggotai orang bukan Melayu seperti Malayan Democratic Union (MDU), Straits Chinese Born Association (SCBA), dan Federation of Youth League (FYL). PMCJA dinaungi oleh Parti Komunis Malaya. Mereka menentang Perlembagaan 1948 kerana dasar kerakyatan yang ketat, tidak ada pilihanraya dan kerajaan sendiri dan tidak ada kebebasan bersuara. Tuntutan-tuntutan PMCJA ini selari dengan kehendak LKMJ sehingga membolehkan ketiga-tiga pihak bekerjasama menentang UMNO dan British.

Kerjasama dengan persatuan-persatuan politik yang ternama ini memberi kesan baik kepada LKMJ. Ia kini dipanggil untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan upacara menaikkan Bendera Rakyat, iaitu bendera rasmi PUTERA-PMCJA.<sup>72</sup> Di dalam upacara ini, Dr. Hamzah yang mewakili LKMJ sentiasa diberi peluang membentangkan pendapatnya membidas UMNO dan Dato Onn.<sup>73</sup> Ini bermakna, LKMJ dan pemimpinnya seperti Dr. Hamzah menjadi lebih kuat dan menonjol kepentingan dan kedudukannya di dalam politik Semenanjung.

Ia bukanlah semata-mata sebuah persatuan politik negeri yang terpencil dari politik kebangsaan Tanah Melayu.

LKMJ, berbanding dengan PMJ, lebih bersungguh-sungguh menentang Perjanjian 1948. LKMJ sentiasa menjadi penganjur kepada perhimpunan-perhimpunan membidas Perjanjian 1948.<sup>74</sup> PMJ tidak begitu cergas kerana presidennya Dato Ab. Rahman Mohd. Yassin adalah seorang pegawai kerajaan yang tertakluk kepada Peraturan Am Kerajaan. PMJ dengan itu lebih sesuai menjadi pengikut sahaja di dalam gerakan-gerakan ini.

LKMJ menentang Perjanjian 1948 berdasarkan satu perkara pokok di dalam Undang Tubuh Johor 1895. Baginya kemerdekaan Johor sebagai sebuah negeri berdaulat telah diakui oleh British sejak tahun 1895. Oleh itu Perjanjian 1948 ini bukan sahaja bertentangan dengan Fasal 14, 15 dan 16 Undang-undang Tubuh Johor 1895, tetapi yang lebih penting ialah hilangnya kemerdekaan Johor sebagai sebuah negeri berdaulat. Dengan menjadi anggota Persekutuan 1948, bermakna Johor telah dikawal kebebasannya. Ia akan tertakluk kepada dasar dan arahan-arahan Persekutuan di dalam semua bidang. Johor hanya mempunyai kuasa otonomi yang terhad. Oleh itu bagi LKMJ, Perjanjian 1948 patut ditentang. Kata Dr. Hamzah:

We deplore and strongly disapprove of the new Constitution, Federal and State signed by the Rulers on 21 January 1948. It is against the Johor Constitution and wholly degradatory to Johore's independence, integrity and sovereignty.<sup>75</sup>

LKMJ menyalahkan Sultan Ibrahim dan Dato Onn. Kedua-dua mereka dianggap bertanggungjawab kepada penghapusan kemerdekaan Johor. Satu surat bantahan dihantar kepada Sultan Ibrahim, setelah mereka gagal mengadap baginda. Di dalam surat bantahan itu, LKMJ secara terbuka membidas Sultan Johor sebagai pembelot negeri Johor. Katanya:

The Sultan and all those associations which negotiate or cooperate in the establishment of Federation are regarded as cowards, traitors, breakers of good faith and enemies of the Malay Nation, country and religion and traitors to the constitution of Johore...<sup>76</sup>

Tuduhan LKMJ itu sangat pedas. Ia memperlihatkan keberanian rakyat Johor yang tidak pernah wujud di negeri-negeri Melayu yang lain. Ini terjadi kerana kedudukan Johor yang berhampiran dengan Singapura, telah membolehkan rakyatnya menerima nilai-nilai baru dan berfikir dengan cara baru, yang berbeza dari nilai-nilai masyarakat Melayu tradisional. Mereka dengan itu dapat melihat dan menilai tindak-tanduk rajanya.

Sultan Ibrahim tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas surat itu. Walaupun tuduhan itu sangat berat, namun di atas nasihat Dato Onn, sebagai Menteri Besar Johor, tuduhan itu diketepikan. Alasan Dato Onn juga sama seperti gerakan

Orang Tujuh dahulu. Bagi Dato Onn, sebarang tindakan keras dari Sultan Ibrahim akan memberikan simpati yang lebih banyak kepada LKMJ yang disokong oleh PUTERA-PMCJA. Sokongan yang meluas bagi kumpulan-kumpulan ini akan membantutkan pelaksanaan Perjanjian 1948. Ini akan menggagalkan usaha UMNO dan Raja-raja Melayu untuk mendapatkan semula kedudukan politik mereka dan orang-orang Melayu.<sup>77</sup>

LKMJ merasa kuat dengan kedudukannya kerana sebarang tindakannya tidak disekat oleh Sultan Johor dan Dato Onn. Oleh itu, pada 26 Januari 1948, LKMJ telah mengadakan satu rapat umum secara besar-besaran di Johor Bahru bagi membidas Sultan Ibrahim, Menteri Besar dan ahli-ahli mesyuarat negeri Johor. Mereka didesak supaya tidak menerima perjanjian itu. Satu rombongan dari LKMJ dan PMJ akan dihantar ke London bagi membantah Perjanjian 1948. Satu demonkrasi akan diadakan pada 1 Februari 1948 bagi membantah pelaksanaan Persekutuan 1948.<sup>78</sup>

Rapat umum LKMJ ini tidak juga memberi sebarang kesan kepada Sultan Johor dan Dato Onn. Mereka tidak menghiraukan utusan LKMJ dan PMJ yang cuba mengadap Sultan Ibrahim. Dr. Hamzah dan Dato Abd. Rahman Mohd. Yassin diarahkan mengikut protokol untuk berjumpa dengan Sultan Ibrahim.<sup>79</sup> Ini bermakna kesungguhan LKMJ tidak dapat mengatasi kuasa Menteri Besar dan Sultan Johor. Sultan Ibrahim, dengan disaksikan oleh Dato Onn dan Timbalan Setiausaha Tanah Melayu, A.T. Newbould, telah menandatangani Perjanjian Persekutuan 1948 di Istana Pasir Pelangi pada 2.30 petang, 27 Januari 1948. Pengistiharan Persekutuan pada 1 Februari 1948 disambut dengan meriah oleh ahli-ahli UMNO di seluruh Tanah Melayu.

## KESIMPULAN

Bolehlah dikatakan politik Johor di dalam tahun-tahun 1946 sehingga 1948 memperlihatkan usaha-usaha politik dari tiga buah persatuan yang utama di Johor untuk merebut kedudukan dan pengaruh politik di Johor dan Tanah Melayu. Persatuan-persatuan ini yang berpusat di Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru dipimpin oleh tokoh-tokoh politik yang terpelajar, tetapi latarbelakang dan kedudukan sosial dan politik yang berbeza. Pertentangan-pertentangan yang berlaku di antara mereka melalui isu-isu politik dan pentadbiran Johor dan Tanah Melayu, memperlihatkan pemimpin-pemimpin dari Muar dan dari kalangan rakyat bawahan, gagal mendapat kedudukan politik yang tinggi. Mereka dikalahkan oleh tokoh dari golongan pembesar yang disokong oleh Sultan Johor. Kedudukan golongan pembesar menjadi lebih kuat lagi apabila budaya politik masyarakat Melayu tradisional dipanjangkan ke dalam UMNO. Dato Onn, tokoh utama dari golongan ini dapat menguasai bukan sahaja politik Johor tetapi juga politik Melayu Semenanjung.

Di dalam pergolakan politik ini, tidak terdapat golongan berpendidikan agama di dalamnya. Tidak seperti negeri-negeri Melayu, seperti Perak, yang mempunyai sebuah parti politik Islam yang dinamakan Hizbul Muslimin yang ditubuhkan di dalam tahun 1947. Hizbul Muslimin telah bergerak di peringkat Semenanjung melalui bekerjasamanya dengan PKMM. Ini terjadi kerana Johor adalah sebuah negeri yang baharu terbentuk dan tidak mempunyai tradisi pengajian agama Islam tradisional, terutama sekolah-sekolah pondok. Kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura, menjadikan Johor lebih terdedah kepada idea-idea barat. Sikap Sultan Johor yang lebih kebaratan bergantung kepada British sebagai rakan perniagaannya juga membezakan Johor dari negeri-negeri Melayu yang lain, seperti Terengganu dan Kelantan. Oleh kerana sebab-sebab ini, kepimpinan politik Johor yang diterajui oleh Dato Onn Jaafar hanya tertumpu kepada golongan yang berpendidikan Inggeris dan yang terdedah kepada sistem-sistem birokrasi barat.

<sup>1</sup> Peristiwa ini adalah yang terbesar sekali dari peristiwa-peristiwa di Pahang, Perak dan Negeri Sembilan. Untuk keterangan lanjut lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, Singapore, 1983, hh. 195-200.

<sup>2</sup> Temuramah Hj. Naim Siran, Batu Pahat, 12.10.82. Rumahnya berdekatan dengan Masjid tersebut. Beliau adalah penduduk asal Batu Pahat. Ia mendapat pendidikan di SITC, Tanjung Malim.

<sup>3</sup> *UMNO 25 Tahun UMNO Batu Pahat*, Batu Pahat, 1971, h. 21.

<sup>4</sup> *Utusan Melayu*, 28.4.46.

<sup>5</sup> Shahrom Hussein, *Biografi Perjuangan Politik Dato Onn Jaafar*, h. 140.

<sup>6</sup> *Utusan Melayu*, 15/2/46.

<sup>7</sup> Shahrom Hussein, *Biografi Perjuangan Politik Dato Onn Jaafar*, h. 141.

<sup>8</sup> Pilihanraya itu dijalankan pada 5 Mac 1931, bagi 26 mukim di Johor. Antara mukim itu ialah: Bandar Johor Bahru, Parit Pecah, Parit Samsu, Gerisek, Bukit Gantang, Kundang, Pagoh, Sg. Keluang, Pontian Kecil, Kukub, Pontian Besar, Endau, Kuala Pagoh Segamat, Kuala Serkam, Kuala Buloh Kasap Segamat, Johor Bahru, Sg. Mati, Kesang Tasik, Mersing, Lenga, Parit Raja, Kesang, Segamat. *Warta Malaya*, 6.3.31.

<sup>9</sup> Syed Husein Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hh. 116-131.

<sup>10</sup> Temuramah dengan Hj. Naim Siran, Batu Pahat, 12.10.82. Temuramah dengan Jamil Markom, Batu Pahat, 13.10.82 dan Ahli Yunus, Batu Pahat, 12.10.82. Kesemua mereka adalah guru-guru sekolah Melayu yang menubuhkan cawangan PMS di kawasan-kawasan tersebut.

<sup>11</sup> *Utusan Melayu*, 12.2.46.

<sup>12</sup> *Utusan Melayu*, 15.2.46.

<sup>13</sup> *Warta Malaya*, 10.10.30.

<sup>14</sup> KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) adalah persatuan politik yang ditubuhkan oleh Jepun bagi membolehkan orang-orang tempatan pimpinan Ibrahim Yaakob mengadakan langkah-langkah bagi mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu bersama Indonesia pada tahun 1945. Onn Jaafar dilantik sebagai Ketua KRIS Johor. Onn juga dicadangkan oleh Ibrahim Yaakob untuk menjadi salah seorang anggota jemaah Menteri Kerajaan KRIS. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hh. 119-121.

<sup>15</sup> *Utusan Melayu*, 15.2.46.

<sup>16</sup> *Utusan Melayu*, 6.4.46.

<sup>17</sup> Keterangan lanjut mengenai PKMM, lihat Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics*, Chapter 4, hh. 73-86. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hh. 101-123. Lihat juga Ahmad

Boestamam, *Merintis Jalan Kepuncak*, Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972. Ab. Aziz Mat Ton, Sekitar Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya, hh. 137-139 dalam Perak, *Dahulu dan Sekarang*, suntingan Adnan Hj. Nawang, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1988.

<sup>16</sup> MS/PIJ No. 1/48.

<sup>17</sup> Y. Hagaki, *Aja-to No Taiwa (Dialogue with Asia)*, Shinkegen Sha, Tokyo, 1968, h. 169.

<sup>18</sup> *Utusan Melayu*, 4.5.46.

<sup>19</sup> *Warta Malaya*, 5.3.46 dan 10.1.47.

<sup>20</sup> *Utusan Melayu*, 4.5.46.

<sup>21</sup> *Utusan Melayu* 1.2.46, 4.5.46 dan 30.5.46.

<sup>22</sup> Shah tom Husein, *Biografi Perjuangan Politik Dato Onn Jaafar*, h. 141.

<sup>23</sup> C.O. 537/539, Sir Harold Mac Michael "Report on a Mission to Malaya", (October 1945-January 1946), Appendix II.

<sup>24</sup> Lihat rencana pengarang *Utusan Melayu*, 15 Januari 1946, *Warta Negara*, 20.1.46 dan *Majlis*, 20.1.46. Antaranya Islamic Voice of Malayan Penang (C.O. 537/1551), Persatuan Melayu Pulau Pinang (C.O. 537/148), Persatuan Melayu Kluang, Johor (C.O. 537/1550), Persatuan Melayu Johor Bahru (C.O. 537/1550), Persatuan Melayu Perlis (C.O. 537/1551), Persatuan Melayu Pulau Pinang (C.O. 537/1556), Persatuan Melayu Negeri Sembilan (C.O. 537/1557), Muslim Chamber of Commerce, Penang, Persatuan Melayu Perak (C.O. 537/1549). Di Kedah seramai 50,000 telah berarak. *Warta Negara*, 21.1.46. Di Kelantan seramai 10,000 orang telah berarak.

<sup>25</sup> Lihat Future Constitutional Policy for British Colonial Territories in Southeast Asia, C.A.B. 98/41, C.M.B. (44), bertarikh 14.1.1944 dan Policy in Regard to Malaya and Borneo Report of the Committee on Malaya and Borneo, C.A.B. 98/41, WP 258, bertarikh 18.5.1944.

<sup>26</sup> Ini terjadi kepada Sultan Kedah. Sultan Kedah pada masa ini ialah Sultan Badlishah. Baginda enggan menurunkan tandatangannya, sehingga diancam akan digantikan dengan adindanya. Untuk keterangan lanjut mengenai baginda, lihat J.D.V. Allen, *The Malayan Union*, Yale University Press, Yale, h. 31 dan Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, Mohd. Nawi Book Store, Kota Bharu, 1978, h. 31.

<sup>27</sup> CO 537/1541, Sir MacMichael Papers, Negotiations with Malayan Rulers. Lihat juga J.D.V. Allen, *The Malayan Union*, hh. 34, 35, 101, 111. Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*. Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1961, h. 69. Untuk keterangan lanjut mengenai cara pengambilan tandatangan oleh Harold MacMicheal, lihat A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1945-48*, MBRAS Monograph no. 8, 1979, hh. 47-64.

<sup>28</sup> Stockwell, *British Policy*, h. 80.

<sup>29</sup> Chandra Muzaffar, *Protector: An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-Relationships in the the Malay Society*, h. 62.

<sup>30</sup> K.J. Ratnam, *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hh.84-85.

<sup>31</sup> Stockwell, *British Policy*, h. 80.

<sup>32</sup> Chandra Muzaffar, *Protector*, h. 62.

<sup>33</sup> B. Simundjuntak, *Malayan Federalism 1945-1963: A Study of Federal Problems in a Plural Society*. Oxford University Press, London, 1969, h. 47.

<sup>34</sup> Temuramah dengan Hj. Anuar Malik, Johor Bahru, 2.4.1982. Temuramah dengan Datin Halimah Husein, 1.4.1982.

<sup>35</sup> Ratnam, *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, hh. 84-85.

<sup>36</sup> *Utusan Melayu*, 24.4.46; *Warta Negara*, 30.1.46.

<sup>37</sup> Stockwell, *British Policy*, h. 70.

<sup>38</sup> Dato Onn dipetik sebagai berkata: "... daripada ikhtiar kita yang ada sekarang barangkali akan dihasilkan oleh Tuhan dengan sebab kita sekarang mulai bersatu dengan sepenuh kehendak dan pekerjaan kita itu Insha Allah akan dirasai kebajikannya oleh anak cucu cicit keturunan kita kelak". *Utusan Melayu*, 24.1.46.

<sup>39</sup> *Ibid.*, dan *Warta Negara*, 24.1.46.

<sup>47</sup> *Warta Negara*, 25.1.46. Surat seorang yang menamakan dirinya 'anak Melayu' dan seorang yang menamakan dirinya 'Putera Malaya'.

<sup>48</sup> C.O. 537/2145, Memorandum by Malay Association of Johor.

<sup>49</sup> *Utusan Melayu*, 27.2.46.

<sup>50</sup> *Utusan Melayu*, 12.2.46.

<sup>51</sup> *Utusan Melayu*, 27.2.46.

<sup>52</sup> Temuramah dengan Datin Zaharah Majid, isteri Haji Kosai salah seorang anggota Kumpulan Tujuh, di Muar di dalam tahun 1974.

<sup>53</sup> ZA'BA telah mengadakan satu mesyuarat membincangkan rang agenda yang dibuat oleh Dato Onn bagi Kongres 1946, pada 28hb. Februari 1946.

<sup>54</sup> Ramlah Adam, "UMNO 1945-1951", Tesis M.A. yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1971/73, Bah I.

<sup>55</sup> *Johore Government Gazette*, 1948, 4.3.48.

<sup>56</sup> R.C.J. No. 1212/46, Surat Dato Onn kepada Sultan Ibrahim, 5.12.46.

<sup>57</sup> Dato Mahbob (Menteri Besar Kedua), Dato Ab. Hamid (Menteri Besar ke-5) dan Ungku Ab. Aziz (Menteri Besar ke-6) adalah saudara Dato Jaafar. Lihat Othman Ab. Hamid, *Salasilah Dato Abd. Jabar*, Johor Bahru, 1967.

<sup>58</sup> Ahmad Fawzi @ Mohd Pawazi bin Mohd. Basri, "Johor 1855-1917, Perkembangan dalam Pentadbirannya", Tesis M.A. Yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1982, hh.234-235.

<sup>59</sup> Sebagai Menteri Besar, Dato Onn diletakkan di dalam Kelas IA iaitu kelas tertinggi sekali di dalam perkhidmatan awam Johor. Ini satu pencapaian kerana sebelum itu, sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat, Dato Onn hanya menduduki KELAS IB. Dato Onn menerima gaji bulanan sebanyak \$3,200 dan elaun keraian sebanyak \$200 - sebulan. Disamping itu, sebuah rumah rasmi di Bukit Jempun, Jalan Meriam, Johor Bahru, disediakan untuk beliau.

<sup>60</sup> *Sunday Times*, Singapore, 21.9.47.

<sup>61</sup> *Malayan Tribune*, 13.12.46.

<sup>62</sup> C.O. 537/1539.

<sup>63</sup> *Sunday Gazette*, Singapore, 21.9.47.

<sup>64</sup> Report of the Meeting of the Council of the State of Johore, July 1948.

<sup>65</sup> Ini boleh dilihat dari kertas-kertas mesyuarat UMNO di dalam fail UMNO/Secretary General. Ia juga boleh dirujuk di dalam Majlis yang memaparkan dengan jelas kegiatan-kegiatan dan dasar-dasar UMNO di dalam tahun 1946-48.

<sup>66</sup> *Utusan Melayu*, 28.4.46.

<sup>67</sup> Temuramah dengan Cikgu Naim Siran, Batu Pahat, 12.4.1982.

<sup>68</sup> Dato Ab. Rahman, selepas kematian isterinya Cik Khadijah telah berkahwin dengan Datin Kamariah, kakak seibu sebapa Dato Onn Jaafar. Temuramah Datin Selama Ambak, Johor Bahru, 15.4.1982.

<sup>69</sup> Perundingan UMNO, Raja-raja Melayu dan British bermula pada bulan April 1946. Persetujuan untuk membubarkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan dibuat pada akhir tahun 1947. C.O. 537/1539-1551.

<sup>70</sup> *Malayan Tribune*, Ipoh, 6.1.47.

<sup>71</sup> *Malayan Tribune*, 16.4.47.

<sup>72</sup> LKMJ mahu Pesuruhjaya British digantikan dengan orang Melayu; pertahanan luar dan hubungan luar negeri patut diletakkan di bawah Persekutuan dan Penasihat British dihapuskan. *Malayan Tribune* 16.5.47.

<sup>73</sup> *Malayan Tribune*, 16.4.47.

<sup>74</sup> *Singapore Free Press*, 16.5.47.

<sup>75</sup> *Warta Negara*, 12.5.1947.

<sup>76</sup> Kecaman-kecaman PKMM terhadap UMNO sangat lumrah di dalam tahun 1946-1948 di dalam akhbar *Malayan Tribune* cawangan Kuala Lumpur, Ipoh dan Singapura. Sila lihat *Daily News Public Relations Office Malaya*, Arkib Negara, Kuala Lumpur.

<sup>77</sup> *Utusan Melayu*, 15.12.47.

<sup>33</sup> *Straits Times*, 4.2.47.

<sup>34</sup> Di antara perhimpunan-perhimpunan yang penting ialah pada 4hb. Februari 47, dan pada hari Ahad 25hb. Januari 1948.

<sup>35</sup> Surat bantahan LKMJ kepada Raja-raja Melayu ialah pada 19.1.48. *Straits Times*, 20.2.48.

<sup>36</sup> *Indian Daily Mail*, 12.2.48.

<sup>37</sup> *Straits Times*, 20.1.48.

<sup>38</sup> *Malayan Tribune*, Singapura, 27.1.48.

<sup>39</sup> *Utusan Melayu*, 3.2.48.